

Dewan Parlimen Mahasiswa UMS bersidang di DUN

UB 26.5.2016 B10

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah mengadakan sidang Parlimen Mahasiswa siri kedua, bertempat di Dewan Undangan Negeri Sabah.

Program adalah acara tahunan yang termasuk dalam Kalendar Jabatan Hal Ehwal Pelajar.

Parlimen Mahasiswa ini menyediakan platform yang menggabungkan suara mahasiswa di semua peringkat kepimpinan sekali gus menyatukan pelajar dan kepimpinan samada di peringkat kelab, pertubuhan pelajar terbaik untuk mahasiswa menyuarakan pendapat dan pandangan mereka berkenaan dengan isu-isu yang berkaitan dengan mahasiswa dan negara.

Persidangan ini membawa lapan usul untuk dibahaskan oleh kepimpinan pelajar UMS. Sidang ini dipengerusikan oleh Timbalan Speaker Dewan Undangan Negeri Sabah (DUN), Datuk Dr Johnson Tee. Manakala pembawa usul diketuai oleh Presiden Majlis Perwakilan Pelajar UMS iaitu Saudara Mohd Taufik bin Nordin.

Naib Canselor, UMS, Prof. Datuk Dr. Mohd Harun bin Abdullah, berkata, Parlimen Mahasiswa ini perlu wujud bukan sahaja di peringkat nasional, tetapi di peringkat Wilayah Asean dan global bagi membolehkan hak dan suara mahasiswa mendapat perhatian sewajarnya.

“Saya pasti ia akan memberi kesan yang positif



ANTARA Ahli Parlimen Mahasiswa yang menghadiri persidangan itu.

kepada pelajar sekali gus menggalakkan usaha bagi meningkatkan keprihatinan mahasiswa terhadap pelbagai isu semasa,” katanya.

Timbalan Naib Canselor, Hal Ehwal Pelajar & Alumni, Prof Madya Dr Ismail Ali berharap, UMS menyahut seruan untuk melakukan transformasi reka bentuk kurikulum agar lebih komprehensif dan relevan, serta bersedia

untuk memenuhi keperluan iCGPA.

“Salah satu domain yang akan dinilai dibawahnya adalah kesukarelawan dimana ia memberi peluang kepada pelajar untuk menyumbang kepada masyarakat dan melaluinya dapat meningkatkan kualiti kehidupan Rakyat serta banyak manfaat yang boleh diperolehi masyarakat dalam mengubah kehidupan

komuniti setempat,” katanya.

Persidangan Parlimen Mahasiswa akan diteruskan lagi pada tahun-tahun yang akan datang kerana selain pendekatan proaktif untuk mengangkat suara mahasiswa, ini adalah platform yang utama dalam melahirkan ‘human beings’ yang akan menjadi pemimpin negara pada masa hadapan, katanya lagi.



Gambar atas
DR Johnson ketika memeriksa perbarisan hormat.

Gambar kiri
DR Ismail dan ahli Parlimen Mahasiswa bergambar bersama Speaker DUN, Datuk Syed Abas Ali dan Timbalan Speaker, Datuk Dr Jphnson Tee.

